

Berita HARIAN 30/11/2018 M/S 13

Ujian Pencapaian Sekolah Rendah

PELAPORAN PENTAKSIRAN SEKOLAH RENDAH

Pentaksiran Psikometrik

Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum

Pentaksiran Bilik Darjah

4
2018:
Tahap tinggi dan sederhana: Meningkat
Rendah: Berkurangan

3
Pentaksiran berterusan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran bagi mendapatkan maklumat mengenai murid:

- Perkembangan
- Kemajuan
- Kebolehan
- Pencapaian

1

	2017	2018	
Semua A	8,958 (2.08%)	8,993 (2.10%)	↑
Semua E	6,663 (1.55%)	5,834 (1.37%)	↑

2

a. Pembabitan dalam Sukan dan Kokurikulum

	2017	2018	
A (sangat aktif)	24,612 (5.616%)	18,767 (4.298%)	↓
B (aktif)	302,018 (68.920%)	282,060 (68.920%)	↓
C (memuaskan)	100,331 (22.895%)	132,058 (30.242%)	↑

b. SEGAK

	2017	2018	
Kecergasan sangat tinggi	40,957 (9.5%)	42,983 (9.9%)	↑
Kecergasan tinggi	168,101 (68.920%)	173,415 (39.9%)	↑
Cergas	189,929 (43.9%)	147,942 (34.1%)	↓

c. Indeks Jisim Badan

	2017	2018	
Obes	58,294 (13.8%)	67,400 (15.5%)	↑
Berlebihan berat badan	56,584 (13.4%)	75,171 (17.3%)	↑
Berat badan normal	268,314 (63.4%)	256,783 (59.2%)	↑

Prestasi calon PPSR 2018 meningkat

➔ Keputusan komponen UPSR, PBD semakin baik bukti keberkesanan penyampaian guru

Oleh Fadzlina Jafar dan Nas Norziela Nasbah
news@bh.com.my

✦ Kuala Lumpur



Adzman Talib

Pencapaian calon Pelaporan Pentaksiran Sekolah Rendah (PPSR) 2018 menunjukkan peningkatan ketara dalam keempat-empat komponen, khususnya Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR). Antara yang menjadi tumpuan adalah jumlah calon yang memperoleh Gred E dalam semua kertas diduduki dalam UPSR berkurangan kepada 5,834 atau 1.37 peratus calon, berbanding 6,663 (1.55 peratus) pada tahun 2017.

Sementara jumlah calon yang memperoleh Gred A dalam semua kertas meningkat sedikit iaitu 8,993 atau 2.10 peratus pada 2018, berbanding 8,958 (2.08 peratus) tahun lalu.

Pengaruh Lembaga Peperiksaan (LP) Kementerian Pendidikan (KPM), Adzman Talib, berkata pengurangan jumlah calon yang memperoleh keputusan semua E itu menunjukkan semakin ramai murid yang mampu

menguasai tahap minimum di seluruh negara.

Katanya, KPM berharap semua pihak, khususnya ibu bapa memberi tumpuan yang lebih luas kepada kepada keempat-empat komponen PPSR iaitu UPSR; Pentaksiran Bilik Darjah (PBD); Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) serta Pentaksiran Psiko-metrik (PPSi).

Pelaporan empat komponen

“PPSR bertujuan untuk mengetahui kementerian murid secara keseluruhan iaitu dari segi akademik, pembabitan murid dalam pelbagai aktiviti dan pembangunan sahsiah murid, sedangkan UPSR hanya satu daripada empat komponen yang ada dalam PPSR.

“Berdasarkan keputusan itu, antara elemen seperti PBD menunjukkan keberkesanan apabila pencapaian

murid dalam UPSR meningkat dengan jumlah calon memperoleh keputusan semua Gred E berkurangan dan semua Gred A meningkat, sekali gus menunjukkan guru sudah memberikan penyampaian yang berkesan,” katanya di sini semalam.

PPSR yang membabitkan pelaporan bagi empat komponen mula diperkenalkan pada tahun 2017 bagi mengurangkan tumpuan keterlaluan kepada UPSR khususnya perbandingan sekolah dan murid.

Tahun ini seramai 440,743 calon mendaftar untuk menduduki UPSR pada 20 hingga 27 September lalu di 8,100 pusat peperiksaan, iaitu 430,031 adalah calon sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan, manakala 10,712 pula calon sekolah swasta.

Adzman berkata, pembabitan murid dalam aktiviti seperti sukan dan kokurikulum turut meningkat berdasarkan keputusan PAJSK tahun ini dengan seramai 42,983 atau 9.9 peratus calon menunjukkan kecergasan sangat tinggi, berbanding 40,957 calon (9.5 peratus) pada tahun lalu.

“KPM berharap ibu bapa dan murid yang datang ke sekolah untuk mendapatkan tahap penguasaan atau kemajuan dalam semua komponen khususnya pembabitan murid dalam sukan dan kokurikulum.

“Selain itu, PPSi yang melihat kepada minat, kecenderungan, bakat dan potensi murid perlu diberi penekanan kerana pentaksiran ini memperlihatkan perwatakan sahsiah dan keperibadian yang lebih baik berbanding tahun lalu,” katanya.



Adzman (dua kiri) bersama Guru Besar SK Bangsar, Soharto Baharen (kiri) beramah mesra dengan murid-murid di SK Bangsar, semalam.

Jumlah murid obes membimbangkan

Kuala Lumpur: Jumlah kanak-kanak berusia 12 tahun yang obes meningkat kepada 67,400 atau 15.5 peratus berbanding hanya 58,294 (13.8 peratus) tahun lalu, sekali gus menunjukkan semakin ramai kanak-kanak mengalami masalah berat badan berlebihan.

Indeks Jisim Badan (BMI) dalam Pelaporan Pentaksiran Sekolah Rendah (PPSR) 2018 yang dikeluarkan semalam menunjukkan 75,171 (17.3 peratus) murid Tahun Enam berisiko untuk mempunyai berat badan berlebihan juga meningkat, berbanding 56,584 (13.4 peratus) pada tahun 2017.

Pengarah Lembaga Peperiksaan (LP), Adzman Talib, berkata peningkatan kedua-dua kategori itu perlu diberi perhatian oleh setiap pihak kerana obesiti boleh memudaratkan, khususnya menjadi punca kepada pelbagai masalah kesihatan.

“Keputusan PPSR perlu dilihat bukan saja kepada keputusan akademik menerusi komponen Ujian

Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), sebaliknya PPSR boleh dijadikan panduan melihat pelbagai isu seperti kecenderungan murid menjadi obes.

Perlu diberi perhatian

“Peningkatan data BMI murid khususnya yang mempunyai berat badan berlebihan dan obes amat membimbangkan, justeru perkara ini perlu diberi perhatian oleh semua pihak,” katanya ditemui di Sekolah Kebangsaan (SK) Bangsar, di sini.

Data BMI adalah sebahagian daripada komponen Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan kokurikulum (PAJSK) yang menilai kecenderungan calon PPSR dalam aktiviti jasmani, sukan dan kokurikulum.

Data itu turut menunjukkan seramai 256,783 murid (59.2 peratus) dikategorikan sebagai mempunyai berat badan normal, manakala 32,142 (7.4 peratus) murid didapati susut berat badan dan 2,585 (0.6 peratus) tidak melaksanakan ujian BMI.